AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 2 PRINTED SIZE: 72.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 389.00 ITEM ID: MY0071215820



22 SEP, 2026

Sembilan penuntut IPT terjejas kebakaran Kampung Numbak terima bantuan RM3,000

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Sembilan penuntut IPT terjejas kebakaran Kampung Numbak terima bantuan RM3,000

KOTA KINABALU: Sembilan penuntut dari enam institusi pendidikan tinggi (IPT) yang terjejas dalam kebakaran di Kampung Numbak di sini pada 30 Ogos lepas menerima bantuan RM3,000 setiap seorang daripada Yayasan Perkasa Siswa (YPS).

Dalam kenyataan semalam, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memaklumkan penuntut itu adalah dari Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), North Borneo University College (NBUC), UNITAR Kota Kinabalu dan Goon International University College (GIUC).

Selain bantuan awal daripada YPS, IPT yang terlibat turut menyalurkan bantuan tambahan berdasarkan keperluan pelajar masing-masing.

Menurut kenyataan itu lagi, Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir semalam turut menziarahi keluarga pelajar berkenaan bagi melihat sendiri keadaan serta keperluan semasa mereka yang kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

"Musibah ini bukan sahaja menyebabkan kehilangan harta benda, malah juga memberikan kesan emosi kepada pelajar dan keluarga. Kehadiran kami adalah untuk memastikan mereka tidak berasa bersendirian ketika melalui saat yang sukar ini. — Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 2 PRINTED SIZE: 72.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 389.00 ITEM ID: MY0071215820



22 SEP, 2026

Sembilan penuntut IPT terjejas kebakaran Kampung Numbak terima bantuan RM3,000

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Sembilan penuntut dari enam institusi pendidikan tinggi (IPT) yang terjejas dalam kebakaran di Kampung Numbak di sini pada 30 Ogos lepas menerima bantuan RM3,000 setiap seorang daripada Yayasan Perkasa Siswa (YPS). Dalam kenyataan semalam, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memaklum kan penuntut itu adalah dari Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), North Borneo University College (NBUC), UNITAR Kota Kinabalu dan Goon International University College (GIUC).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.